

BAB SATU

BAB SATU

ETIKA : SUATU PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Huraian dalam bab ini akan memberi penjelasan tentang peristilahan etika, moral dan akhlak dari segi konseptual. Perincian ketiga-tiga istilah ini akan menemukan titik perbezaan di antara istilah-istilah tersebut. Perincian ini juga akan memberi suatu gambaran bahawa penggunaan istilah etika Islam dalam disertasi ini adalah merujuk kepada makna akhlak.

Bab ini juga akan menjelaskan beberapa teori tentang etika yang telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh falsafah Greek dan ahli-ahli falsafah Barat yang berasaskan dari pelbagai aliran falsafah. Perbincangan ini akan memberi penjelasan tentang pendekatan Islam dan Barat dalam prinsip-prinsip etika khususnya dan falsafah amnya. Kefahaman tentang perkaitan di antara etika Barat dan etika Islam, akan memudahkan lagi kefahaman terhadap falsafah etika menurut pemikiran al-Ghazālī. Secara umumnya, bab ini akan memberi penjelasan sejauhmana perkaitan di antara etika sebagai suatu cabang dalam ilmu falsafah dan hubungannya dengan prinsip-prinsip etika menurut perspektif Islam.

1.2 ETIKA, AKHLAK DAN MORAL: PENGENALAN DARI SEGI KONSEPTUAL

Dari segi peristilahan secara umum, perkataan etika, akhlak dan moral membawa pengertian yang sama, iaitu merujuk kepada peri laku manusia dari segi baik dan buruk. Tetapi jika diperhalusi dari segi etimologi dan terminologi maka kita akan dapati titik perbezaan di antara ketiga-tiga istilah ini.

1.2.1 Pengertian Etika

Menurut *Encyclopedia of Americana*, istilah etika diambil dari bahasa Inggeris '*ethics*' yang berasal dari akar kata dalam bahasa Yunani '*ethos*' yang bererti adat kebiasaan dan '*ethicos*' yang bererti moral.¹ Huraian lanjut mengenai makna etika dijelaskan seperti berikut:

*Ethics is the branch of philosophy in which men attempt to evaluate and decide upon particular courses of moral action or general theories of conduct, also refers to the values or rules of conduct held by group or individual, as for example in phrases of "Christian ethics" or "Unethical behaviour".*²

Menurut *The New Encyclopaedia of Britannica*, etika diertikan sebagai:

*Ethics also called moral philosophy, the dicipline concern with what is morally good and bad, right and wrong. The term is also applied to any system or theory of moral values or principles.*³

¹ "Ethics", *Encyclopedia of Americana* (1993), New York: Grolier Inco., jil. 10, h. 610; *Dictionary of Ethics, Theology and Society* (1996), (ed.), Paul Barry Clarke and Andrew Linzey, New York: Routledge, h. 307.

² "Ethics", *Encyclopedia of Americana* (1993), *op. cit.*; lihat juga, *Dictionary of Ethics, Theology and Society, op. cit.*

³ "Ethics", *The New Encyclopaedia of Britannica* (1992), jil. 4, New York: Encyclopedia Britannica Inc., h. 578.

An English – Arabic Lexicon, mencatatkan definisi etika sebagai suatu disiplin ilmu yang berhubungan dengan ilmu akhlak atau ilmu adab "متعلق بعلم" "ادبي - الاخلاق".⁴ Menurut *Kamus Dewan*, etika merujuk kepada dua makna, iaitu "Etika ialah ilmu yang berkaitan dengan prinsip-prinsip akhlak atau moral" atau "Prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan".⁵

Menurut Dr. H. Hamzah, etika ialah ilmu yang menyelidiki mana yang baik dan mana yang buruk dengan memperhatikan amal perbuatan manusia sejauh yang dapat diketahui oleh akal.⁶

Dari pelbagai definisi yang telah disebutkan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa etika pada dasarnya adalah suatu cabang dari ilmu falsafah yang membuat penyelidikan tentang moral dan tingkah laku manusia dari segi tindakan baik dan buruk yang seharusnya diketahui, dan yang sepatutnya diamalkan dalam kehidupan, sama ada dari sudut individu, masyarakat dan negara.

1.2.2 Pengertian Moral

Istilah moral berasal dari bahasa Latin '*Mores*' yang juga membawa erti adat kebiasaan, manakala dalam bahasa Greek disebut "*Ethicos*".⁷ Moral membawa maksud sesuai dengan idea-idea umum yang diterima tentang tindakan

⁴ George Percy Badger (1981), *An English – Arabic Lexicon*, London: C. Kegan Paul & Co., I, Pater Noster Square, h. 308.

⁵ Tenku Iskandar, Dr., (1989), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: DBP, h. 319.

⁶ H. Hamzah Ya'cub, Dr., (1985), *Etika Islam*, Bandung: cv. Deponogoro, h. 13.

⁷ "Ethics", *Encyclopedia of Americana* (1993), *op. cit.*, h. 610.

manusia mana yang lebih wajar, ia berkait rapat dengan keadaan sosial dan lingkungan tertentu.⁸

Kamus Dewan menjelaskan pengertian moral sebagai ajaran atau pegangan berkenaan buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajipan dll.), sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur dari segi ketentuan-ketentuan tentang baik buruk sesuatu akhlak.⁹ Umumnya, moral membincangkan perilaku secara praktikal dan penilaian sesuatu baik buruk adalah berdasarkan penerimaan mengikut corak masyarakat setempat.

1.2.3 Perbezaan antara Etika dan Moral

Dari segi penggunaan bahasa, etika dan moral membawa pengertian yang sama iaitu merujuk kepada makna adat dan kebiasaan. Yang membezakan keduanya hanya dilihat dari asal perkataan. Etika berasal dari bahasa Yunani dan moral berasal dari bahasa Latin.

Tetapi ahli-ahli falsafah berpandangan bahawa etika merujuk kepada perilaku baik buruk menurut kaca mata universal, sedangkan moral merujuk kepada elemen-elemen yang bersifat setempat atau lokal. Atau dengan kata lain, moral menyatakan ukuran, manakala etika pula menjelaskan ukuran itu.¹⁰ Pertimbangan moral seseorang adalah bergantung sebahagian besarnya kepada suasana atau keadaan di mana ia dibesarkan, sistem kelas di mana dia hidup dan kepada agama yang dianuti. Sebagai contoh, membuang sampah di tepi jalan

⁸ Hamzah Ya'cub (1983), *op. cit.*, h. 14.

⁹ Tenku Iskandar (1989), *Kamus Dewan, op. cit.*, h. 834.

¹⁰ Hamzah Ya'cub, Dr., (1985), *op. cit.*, h. 4.

mungkin tidak dianggap bersalah oleh kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana kampung, tetapi perkara yang sama dianggap salah oleh kanak-kanak yang dibesarkan di bandar-bandar atau dalam keluarga yang bersih dan berdisiplin; meminum arak mungkin tidak dianggap salah oleh setengah orang Kristian, tetapi perkara ini secara total dianggap buruk dan ditolak oleh orang-orang Islam.¹¹

Kewujudan elemen-elemen ini bersesuaian dengan apa yang dihuraikan oleh Abū A'lā al-Mawdūdī dalam bukunya *Ethical Viewpoints of Islam*. Beliau menjelaskan kewujudan nilai-nilai agama yang dipegang dan dihayati oleh sesuatu pihak atau masyarakat dalam tindakan moral mereka. Tokoh ini mengemukakan tentang adanya moral dalam Islam yang membezakannya dengan moral sekular. Menurut beliau moral sekular berdasarkan kepada kepelbagaian pemikiran manusia, sedangkan moral dalam Islam berdasarkan bimbingan dan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah.¹²

Untuk membuat penilaian tentang perbezaan di antara moral dan etika, maka dapatlah disimpulkan bahawa moral adalah pendekatan praktikal yang merujuk kepada adat kebiasaan sesuatu golongan, sosio budaya, etnik dan sebagainya. Manakala etika pula merujuk kepada penilaian sesuatu perbuatan berasaskan kepada teori dan ilmu pengetahuan. Ringkasnya, etika bersifat reflektif dan teoritikal, sementara moral pula bersifat praktikal; etika adalah

¹¹ Mohd. Nasir Omar (1986), *Falsafah Etika Pendekatan Islam dan Barat*, Kuala Lumpur: Bah. Hal Ehwal Islam, Jab. Perdana Menteri, h. 17-18.

¹² Sayyid Abul A'la Maududi (1996), *Ethical Viewpoint of Islam*, Lahore: Islamic Publication (Pvt.) Ltd., h. 9.

penyelidik atau pengkaji, sementara moral adalah bahan yang dikaji atau diselidik oleh etika.¹³

Oleh itu, dari segi konseptual, skop atau nilai yang terkandung dalam etika lebih luas daripada skop dan nilai moral. Seseorang yang dianggap bermoral pada pandangan satu-satu pihak tidak semestinya dinilai baik dari sudut etika. Jika dirujuk kepada pentafsiran al-Ghazālī tentang etika, beliau telah membuat suatu tafsiran bahawa etika adalah merujuk kepada hasil idea pemikiran hukama' dan ahli-ahli sufi.¹⁴ Hal ini memberi justifikasi bahawa kedudukan etika lebih universal dan menggambarkan penilaian positif al-Ghazālī terhadap kedudukannya sebagai suatu bidang ilmiah.

1.2.4 Pengertian Akhlak

Akhlak berasal dari perkataan Arab, iaitu kata jamak dari '*al-Khuluq*'. Dari segi bahasa ia membawa makna 'budi pekerti, tingkah laku, perangai perwatakan, tabiat, kebiasaan'.¹⁵

Manakala akhlak dari pengertian istilahnya mempunyai beberapa pengertian sebagaimana dikemukakan oleh ulama' dan pakar-pakar bahasa. Menurut Ibn Manzūr, akhlak merupakan gambaran batin seseorang individu, iaitu yang berkaitan dengan sifat-sifat jiwa yang melahirkan sifat-sifat lahiriah, iaitu

¹³ Mohd. Nasir Omar (1986), *op. cit.*, h. 20.

¹⁴ Al-Ghazālī (1985), *al-Munqidh min al-Dalāl*, (ed.) 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, Dr., Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 358.

¹⁵ Abi al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Makram Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-'Arab*, jil. 10, Beirut: Dār al-sādir, h. 86; lihat juga *al-Munjid fi al-Lughah wa al-'Ālām* (1986), cet. 28, Beirut: Dār al-Masyriq, h. 194.

sifat-sifat baik dan buruk. Perkaitan di antara sifat-sifat batiniah dan lahiriah ini mengakibatkan timbulnya dosa dan pahala.¹⁶

Manakala menurut *al-Mu'jam al-Falsafī*, makna akhlak dari segi istilah ialah sifat yang tertanam dalam jiwa, yang dengannya lahiriah perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa difikirkan dan diteliti.¹⁷ Pengertian ini bersesuaian dengan makna akhlak yang telah dihuraikan oleh Ibn Miskawayh dalam bukunya *Tahdhīb al-Akhlāq*¹⁸ dan juga al-Ghazālī dalam *Ihyā'*.¹⁹

Dari pengertian-pengertian yang telah dinyatakan di atas, maka jelaslah bahawa akhlak adalah sifat-sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, yang dengan sifat-sifat ini akan melahirkan segala perilaku, tabiat dan perwatakan dengan secara spontan tanpa memerlukan pertimbangan akal fikiran dan penelitian terlebih dahulu. Menurut al-Ghazālī, perbuatan-perbuatan yang lahir secara spontan ini sudah terbentuk dari kebiasaan-kebiasaan dan menerusi latihan-latihan jiwa yang berterusan sehingga perbuatan-perbuatan yang baik itu sudah menjadi suatu kebiasaan dan terikat secara kukuh di dalam jiwa. Sekiranya jiwa seseorang telah tertanam dengan nilai-nilai yang baik, maka ia akan melahirkan akhlak dan perilaku yang baik dan begitulah sebaliknya.²⁰

Dalam hal ini al-Ghazālī telah memberikan suatu contoh seseorang yang mendermakan wang kerana sesuatu tuntutan dari luar dan telah dibuat

¹⁶ Ibn Manzūr (1956), *op. cit.*, h. 86-87.

¹⁷ Jamil Ṣalībā (1982), Dr., *al-Mu'jam al-Falsafī*, jil. 1, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, h. 539.

¹⁸ Ibn Miskawayh (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut: Maktabah al-Hayāh, h. 36

¹⁹ Al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (t.t.), jil. 3, Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 52;

Zakī Mubārak, Dr., (1980), *al-Akhlāq 'inda al-Ghazālī*, Kaherah: Dār al-Sya'bi, h. 152.

²⁰ Al-Ghazālī (t.t.), *op. cit.*, h. 52.

pertimbangan terlebih dahulu, maka ia tidak dinamakan seorang yang pemurah. Oleh itu menurut al-Ghazālī akhlak yang sebenarnya adalah dibentuk dari keadaan jiwa dan bentuknya yang batiniah.²¹

Daripada huraian-huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa, akhlak ialah suatu dimensi dalaman yang bertindak sebagai tenaga penggerak kepada segala tingkah laku manusia, yang mana perbuatan-perbuatan yang dilakukan ini adalah lahir secara spontan dan tidak memerlukan penelitian dan pertimbangan terlebih dahulu. Dalam hal ini kebiasaan yang telah diamalkan oleh seseorang dalam perbuatan, sama ada baik atau buruk menjadi asas kepada terbentuknya akhlak tersebut.

1.2.5 Perkaitan antara Istilah Etika, Moral dan Akhlak

Penulis merasa amat wajar untuk menjelaskan perkaitan di antara peristilahan etika, moral dan akhlak. Ini kerana, dalam kebanyakan *literature* Islam, kebanyakan sarjana menggunakan istilah ini secara saling berkait antara satu sama lain sehingga pembaca kadang-kadang sukar untuk membezakan di antara ketiga-tiga istilah tersebut dari sudut konseptual yang sebenar. Perkara ini lebih jelas lagi apabila penulis buku-buku yang membicarakan tentang falsafah akhlak di kalangan sarjana serantau banyak menggunakan judul buku mereka dengan istilah etika. Contohnya buku-buku karangan Dr. H. Hamzah Ya'cub

²¹ *Ibid.*.

yang berjudul *Etika Islam*²² dan buku *Etika dalam Islam* oleh Drs. Mudlor Achmad.²³

Untuk memperjelaskan kedudukan ketiga-tiga elemen ini, Mohd. Nasir Omar dalam bukunya *Falsafah Etika* menyimpulkan bahawa moral adalah ilmu yang memberitahu kita persoalan-persoalan yang berhubung dengan sistem moral atau tingkah laku yang dihayati oleh seseorang individu atau satu-satu golongan tertentu; etika pula bertugas menganalisa sistem moral tersebut, mengemukakan apakah sistem moral yang sepatutnya dan membuat penilaian kritis terhadap konsep-konsep yang dikemukakan, seperti konsep kebaikan, keburukan, kebahagiaan, keadilan dan sebagainya. Sementara akhlak pula adalah ilmu yang menekankan jiwa seseorang sebagai daya penggerak kepada wujudnya satu-satu perbuatan dan lebih menekankan autoriti wahyu di samping tidak menolak akal, sedangkan moral dan etika lebih memberatkan taakulan manusia. Dengan lain perkataan, akhlak sebenarnya adalah gabungan di antara moral dan etika.²⁴

Daripada penilaian di atas, dapatlah dirumuskan bahawa di antara ketiga-tiga istilah moral, etika dan akhlak, maka konsep akhlak adalah lebih luas daripada konsep moral dan etika. Ini kerana sumber penilaian dalam persoalan akhlak adalah berasaskan kepada nilai-nilai wahyu yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang bersifat syumul dan merangkumi segala aspek kehidupan manusia serta dalam masa yang sama mengambil kira autoriti akal dan pengalaman-pengalaman manusia. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam firman-Nya:

²² H. Hamzah Ya'cub, Dr., (1983), *Etika Islam*, Bandung: cv. Deponogoro.

²³ Mudlor Achmad, Drs., (t.t.), *Etika Dalam Islam*, Surabaya: Al-Ikhlal

²⁴ Mohd. Nasir Omar (1986), *op. cit.*, h. 36.

Maksudnya:

Tiada kami tinggal sesuatu pun di dalam Kitab al-Qur'an ini.

Sūrah al-An'ām (7): 38.

Walau bagaimanapun, penggunaan istilah etika oleh kebanyakan sarjana Muslim, sama ada di Timur mahu pun di Barat adalah merujuk kepada etika Islam dalam nilai-nilai akhlak yang telah disepakati.

1.3 PEMBAHAGIAN ILMU ETIKA

Umumnya, etika terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:²⁵

- i. Etika Normatif (*Normative Ethics*): Bahagian ini juga dikenali sebagai falsafah moral. Etika normatif akan mengemukakan suatu panduan dan penilaian terhadap satu-satu tindakan atau perbuatan yang dianggap baik. Ia menentukan sesuatu perbuatan itu sama ada baik atau buruk, betul atau salah. Salah satu contoh yang dapat diambil dari etika normatif ialah ukuran bahawa "Kesceronokan ialah kebaikan".
- ii. Meta Etika (*Meta Ethics*): Ia juga disebut sebagai etika analisis ataupun etika yang akan membuat kritikan terhadap etika normatif. Amnya, meta etika akan membuat analisis tentang etika normatif dari segi fungsi dan kegunaan.

²⁵ "Ethics", *The New Encyclopedia of Britannica* (1992), jil. 4, *op. cit.*, h. 579; lihat juga, "Ethics", *Concise Routledge Encyclopedia of Philosophy* (2000), London: Routledge, h. 250.

- iii. Etika Gunaan (*Applied Ethics*): Etika gunaan merupakan pelaksanaan terhadap etika normatif, ia juga dikenali sebagai *bio ethics*. Menurut pendapat Aristotle (382-322 SM), tidak ada gunanya mempelajari etika jika ia tidak mendatangkan apa-apa faedah untuk diterapkan ke dalam kehidupan seseorang. Etika ini dianggap suatu etika yang paling mendapat perhatian di abad ke 20, terutama dalam bidang-bidang perubatan, fizik, perundangan dan teologi.

1.4 ETIKA, FALSAFAH DAN AGAMA

1.4.1 Hubungan Antara Etika dan Falsafah

Kajian tentang etika mendapati bahawa ilmu ini termasuk dalam bahagian ilmu falsafah yang dikenali sebagai ilmu etika atau juga disebut falsafah moral. *The New Encyclopaedia of Britannica* menyebutkan bahawa, "*Ethics, also called 'moral philosophy', the branch of philosophy that is concern with what is morally good and bad, right and wrong.*"²⁶

Encyclopedia of Knowledge mencatatkan terdapat enam pecahan dalam ilmu falsafah, iaitu:²⁷

1. Epistemologi
2. Metafizika

²⁶ "Ethics", *The New Encyclopedia of Britannica* (1992), jil. 4, *op. cit.*, h. 579; lihat juga, "Ethics", *Routledge Encyclopedia of Philosophy* (2000), London: Routledge, h. 250.

²⁷ "Branches of Philosophy", *Encyclopedia of Knowledge* (t.t.), Lawrence T. Lorimev (ed.), *et. al.*, jil. 14, Danbury Connecticut: Grolier Inc., h. 375.

3. Ontologi
4. Etika
5. Estetika
6. Politik.

Manakala al-Ghazālī dalam *al-Munqidh min al-Dalāl* juga mencatatkan enam bahagian dalam ilmu falsafah, iaitu:²⁸

1. Matematik
2. Logik
3. Fizik
4. Metafizika
5. Politik
6. Etika

K. Bertens dalam bukunya *Etika* menjelaskan bahawa etika sebagai suatu cabang dari falsafah mempunyai kedudukan yang tersendiri. Menurutnya, semua cabang falsafah membicarakan “yang ada” sedangkan etika membahas “yang harus dilakukan” dan tugas utama etika ialah menyelidiki apa yang harus dilakukan manusia dan apa yang tidak harus dilakukan. Kerana itu etika sering disebutkan sebagai falsafah praktis.²⁹

²⁸ Al-Ghazālī (1985), *al-Munqidh, op. cit.*, h. 349-358.

²⁹ K. Bertens (1993), *Etika*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, h. 27.

1.4.2 Hubungan Etika dan Agama

Etika sebagai suatu ilmu yang membincangkan apa yang harus dilakukan dan apa yang tidak harus dilakukan oleh seseorang manusia merupakan garis panduan ke arah mengenal pasti tingkah laku baik buruk. Merujuk kepada asas yang demikian, maka etika adalah suatu ilmu yang tidak bertentangan dengan agama, malahan semua agama yang wujud di dunia ini mengajak kepada perilaku mahupun moral yang baik.³⁰

K. Bertens dalam kajiannya mengenai etika menjelaskan bahawa agama mempunyai hubungan yang erat dengan moral. Setiap agama mengandungi suatu ajaran moral yang dapat dipelajari secara kritis, metodis dan sistematis yang disebut sebagai teologi moral. Menurutnya lagi, teologi adalah refleksi kritis, metodik dan sistematik yang dilakukan oleh penganut agama tentang agamanya sendiri. Contohnya disebut 'etika Islam', 'etika Kristian', 'etika Buddha' dan sebagainya yang disebut sebagai teologi moral.³¹

Merujuk persoalan ini, *Encyclopedia of Knowledge* mencatatkan:

*One of the main problem of moral philosophy is the connection between morality and religion. Religious moralists tend to claim that there can be no morality without religion, because without good there can be no reason to be moral.*³²

³⁰ Dari segi sejarah, nilai dan sistem etika dikaitkan dengan kepercayaan agama, misalnya Judeo Kristian sangat berpengaruh di kalangan masyarakat Barat (Eropah, Amerika dll.), Islam di Timur Tengah dan Asia, Confucianisme di Cina, Buddha dan Hindu di beberapa negara Asia tertentu. Amalan untuk beretika dikaitkan dengan soal keimanan dan ketuhanan, bertambah kuat lagi dengan adanya konsep dosa dan pahala, syurga dan neraka serta kepercayaan tentang kehidupan selepas mati., Mohd. Janib Johari (2001), *Etika Profesional*, Johor: UTM, Sekudai, h. 30.

³¹ K. Bertens (1993), *op.cit.*, h. 35-36.

³² "Religious Ethics", *Encyclopedia of Knowledge* (t.t.), *op. cit.*, jil. 7, h. 115.

Untuk menghubungkan kedudukan etika sebagai suatu cabang falsafah yang bertitik tolak dari pemikiran manusia dan agama yang datangnya dari sumber-sumber ketuhanan, maka pandangan dari al-Ghazālī dalam persoalan ini boleh diambil kira. Menurut al-Ghazālī, “Ilmu pengetahuan manusia diperolehi menerusi menerusi dua cara, iaitu berbentuk pengajaran manusia dan pengajaran Ilahi. Pengajaran manusia ialah jalan yang biasa dan dapat dirasa serta diakui oleh semua yang waras. Sementara pengajaran Ilahi adalah melalui dua bentuk, iaitu melalui wahyu dan ilham.³³ Dari pandangan al-Ghazālī ini, dapatlah dirumuskan bahawa, etika yang berpaksikan agama adalah termasuk dalam kategori ilmu yang berasaskan pemikiran manusia dan wahyu Tuhan.

Klasifikasi terhadap pengajaran manusia dan pengajaran Ilahi membuktikan bahawa terdapat hubung kait di antara etika dan agama. Dalam hal ini, sikap al-Ghazālī terhadap bidang etika adalah positif sehingga beliau melihat idea-idea ahli falsafah dalam membincangkan aspek etika adalah ambilan dari pemikiran para sufi dan hukama’.³⁴ Dalam hal ini, etika digambarkan sebagai ilmu rasional dan juga sebagai ilmu keagamaan. Dalam erti kata lain, al-Ghazālī cuba menyatukan di antara akal dan syari’ah di mana kedua-duanya saling melengkapi di antara satu sama lain. Dengan menghubungkan etika dengan tasawuf, al-Ghazālī telah menerima etika sebagai suatu falsafah yang selari dengan tuntutan agama. Al-Ghazālī dengan tegas mengakui bahawa sufi adalah

³³ Abū Bakr ‘Abd al-Razzāq (1950), *al-Nafahāt al-Ghazaliyyah*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 104.

³⁴ Al-Ghazālī (1985), *al-Munqidh*, *op. cit.*, h. 358.

golongan yang memiliki jiwa yang paling murni dan juga akhlak yang terbaik dan mereka mendapat pancaran cahaya kenabian.³⁵

Berkenaan dengan gagasan di antara agama dan falsafah dalam pembinaan perilaku manusia, Ibn Miskawayh (330-421H) berpendapat bahawa orang-orang yang berbahagia ialah orang yang sejak kecil telah dibiasakan dengan ajaran agama, hingga apabila telah menginjak dewasa akan terbuka peluang bagi mereka untuk mengetahui sebab-sebab dan latar belakang segala amalan dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini, secara spontan mereka telah menghubungkan falsafah dengan apa yang telah menjadi kebiasaan dalam hidup mereka, dan akhirnya akan mewujudkan keserasian di antara amalan-amalan yang telah dibiasakan dalam kehidupan mereka dengan falsafah.³⁶

1.4.3 Sikap dan Pendirian Beberapa Pemikir Barat Tentang Hubungan di Antara Etika dan Agama

Pada asasnya, dalam pemikiran kebanyakan manusia, mereka mempercayai bahawa etika dan agama mempunyai hubungan yang sangat erat. Dalam erti kata lain, ajaran-ajaran dalam agama itu menjadi asas kepada pembentukan etika di kalangan manusia. Umumnya, tokoh-tokoh pemikir Muslim bersepakat tentang hubungan yang erat di antara etika dan agama. Sikap al-Ghazālī dan Miskawayh dalam menjelaskan persoalan ini adalah mewakili keseluruhan pandangan dan pendirian tokoh-tokoh pemikir Muslim.

³⁵ *Ibid.*, h. 378; lihat juga Muhammad Abul Quasem (1975), *The Ethics of al-Ghazali a Composite Ethics in Islam*, Selangor: Central Printing Sdn. Bhd., h. 27.

³⁶ Ibn Miskawayh (1961), *op. cit.*, h. 122.

Namun, bagi para pemikir dan tokoh-tokoh falsafah Barat, mereka mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza tentang peranan agama dalam membentuk etika, cara hidup serta cara berfikir. Kebanyakan pemikir Barat menolak peranan agama ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan kepercayaan agama dalam membentuk nilai-nilai etika. Mereka ini berusaha dengan sedaya upaya untuk mencipta teori-teori tentang etika yang berasaskan kepada sentimen manusia semata-mata. Dengan itu mereka telah mengasaskan suatu tanggapan bahawa norma-norma yang mempengaruhi moral dan etika adalah terpisah daripada kepercayaan agama dalam pelbagai aspek. Para pemikir ini meragui akan kepentingan agama dalam segala hal dan menganggap agama sebagai penghalang kebebasan manusia.³⁷

Karl Marx (1818-1883),³⁸ contohnya adalah seorang pemikir dari German yang menolak agama dalam semua aspek termasuk persoalan etika dan seluruh persoalan-persoalan lain yang berkait rapat dengan pembangunan manusia. Beliau berpendapat bahawa agama mesti ditolak kerana ia akan menghalang kemajuan dan kebebasan manusia. Tokoh ini sepanjang hidupnya tidak pernah memberi penilaian sewajarnya ke atas peranan agama dalam membentuk kehidupan manusia, sebaliknya, beliau amat menyanjungi fahaman sosialis dan materialis dalam segala lapangan.³⁹

³⁷ "Morality and Religion" *The Encyclopedia of Religion* (1987), Mircea Eliade (ed.), *et. al.* jil. 10, New York: Macmillan Publishing Company, h. 92.

³⁸ Seorang ahli sosialis dan ahli ekonomi Jerman, "Marx, Karl", *ibid.*, jil. 9, h. 238.

³⁹ *Ibid.*

Fahaman yang diterokai Karl Marx disanjung tinggi oleh sebilangan pemikir Barat. Antaranya Sigmund Freud (1856-1939)⁴⁰ yang mendakwa bahawa agama mesti diketepikan kerana ia akan menimbulkan fanatisme.⁴¹

Walau bagaimanapun, sikap menolak agama dalam pembentukan moral dan etika tidak disetujui oleh tokoh-tokoh dari aliran teologi seperti Friedrich Schleiermacher (1768-1834)⁴² dan Rudolf Otto (1869-1937)⁴³. Tokoh-tokoh ini berusaha untuk meletakkan nilai-nilai agama dalam pelbagai bidang, termasuk dalam skop pengertian etika itu sendiri.⁴⁴

Ringkasnya, dapatlah dirumuskan bahawa pendirian tokoh-tokoh Barat terhadap peranan agama dalam membentuk nilai-nilai moral dan etika adalah berbeza. Sebilangan pemikir tetap menunjukkan rasa simpati terhadap agama dan mempertahankan nilai-nilai tersebut dalam prinsip moral, manakala golongan terbesar menganggap agama tidak memberi apa-apa impak kepada pembangunan manusia sama ada dari aspek moral, cara hidup, cara berfikir dan sebagainya. Oleh itu kebanyakan teori-teori etika yang dicipta di Barat hanya melihat kepada potensi lahiriah manusia semata-mata dan penilaian kepada sesuatu tindakan dibuat adalah berdasarkan logik akal.

⁴⁰ Freud, Sigmund merupakan pengasas ilmu jiwa (*psychoanalysis*), iaitu suatu metod mengubati penyakit jiwa yang biasanya menunjukkan adanya penyakit saraf. Ilmu ini semakin berkembang sehingga membentuk teori-teori tentang psikologi manusia, pemikiran dan teori-teori umum tentang kebudayaan, moral, kemasyarakatan, sejarah, seni dan agama. "Freud, Sigmund", *ibid*, jil. 5, h. 435-436.

⁴¹ "Morality and Religion", *Encyclopedia of Religion* (1987), jil. 10, *op. cit.*, h. 92.

⁴² Seorang tokoh teologi Jerman dari aliran Protestan, beliau berusaha untuk membangunkan kembali ajaran dan dogma-dogma yang terkandung dalam ajaran Kristian, sehingga mendapat gelaran "Father of Modern Theology". "Schleiermacher, Friedrich", *Encyclopedia of Religion* (1987), *op. cit.*, jil. 13, h. 108; lihat juga, "Morality and religion", *ibid.*, jil. 10, h. 93.

⁴³ Juga seorang tokoh teologi Jerman, merupakan ahli sejarah dan pakar dalam agama (Kristian), dan salah seorang dari ahli teologi yang terkemuka di Jerman selepas Perang Dunia Pertama. "Otto, Rudolf", *ibid*, jil. 11, h. 139.

⁴⁴ "Morality and Religion", *ibid*, jil. 10, h. 93.

1.5 BEBERAPA TEORI TENTANG ETIKA MENURUT AHLI-AHLI FALSAFAH BARAT

Para pemikir Barat, khususnya di kalangan ahli-ahli falsafah, sama ada yang terdahulu atau yang terkemudian telah mengemukakan banyak teori tentang etika. Beberapa pendekatan telah dikemukakan untuk mewujudkan suatu nilai kepada set tingkah laku, cara hidup dan juga cara berfikir. Antaranya ialah:

1.5.1 Utilitarianisme

Tokoh yang telah mempelopori aliran ini ialah Jeremy Bentham (1784-1832),⁴⁵ dan didokong James Mill (1773-1836)⁴⁶ dan John Stuart Mill (1806-1837).⁴⁷ Teori utama yang didirikan oleh aliran ini ialah “Kebahagiaan yang tertinggi ialah jika dapat dinikmati oleh jumlah yang besar” atau “*The greatest happiness for the greatest number*”.⁴⁸

Dari sudut bahasa, perkataan “*utility*” dari bahasa Inggeris adalah seiring dengan perkataan “*useful*” yang membawa maksud berfaedah, bermanfaat dan berguna. Dalam bahasa Arab, ia merujuk kepada perkataan “*Ifādah, nāfi‘ah*,

⁴⁵ “Jeremy Bentham”, Routledge Encyclopedia of Philosophy (1998), Edwards Craig (ed.), *et. al.*, jil. 1, London: Routledge, h. 718-724.

⁴⁶ Ahli falsafah Scotch, mendapat pendidikan di Edinburgh dan menjadi pengikut Jeremy Bentham dalam mengembangkan aliran Utilitarianisme. Antara buku karangan beliau ialah “*Analysis of the Phenomenon of Human Life*” (1982), lihat Frederick Copleston, S.J. (1966), *History of Philosophy*, jil. 8, London: Search Press, h. 356

⁴⁷ John Stuart Mill, ahli falsafah Inggeris, dilahirkan di London, pengikut Jeremy Bentham dan merupakan pendokong aliran Utilitarianisme yang paling terkenal dan berpengaruh. Antara buku karangan beliau ialah “*A System of Logic*”. Paul Edwards (ed.), *et. al.*, (1976), “Nineteenth - Century Ethics”, *The Encyclopedia of Philosophy* (1976), Paul Edwards (ed.), *et.al.*, jil. 3, New York: Collier Macmillan Publishing Inc., h. 96.

⁴⁸ *Ibid.*

nafun, masalah. Jika merujuk kepada sesuatu aliran pendapat, ia membawa konsep bahawa “Kemanfaatan adalah kebaikan yang paling besar.”⁴⁹

Oleh itu, dalam menilai sesuatu perbuatan atau tindakan sama ada baik atau sebaliknya, utilitarianisme memandang bahawa ukuran baik buruk sesuatu perbuatan ialah sejauhmana ia boleh mendatangkan kegunaan, manfaat, kebaikan dan keuntungan. Sebaliknya tindakan yang tidak mendatangkan keuntungan atau merugikan, maka ia dianggap etika yang buruk.⁵⁰

Pendapat yang dikemukakan oleh John Stuart Mill sebagai tokoh yang paling berpengaruh dalam aliran ini dapat menjelaskan konsep sebenar etika menurut aliran ini. Menurut Mill:⁵¹

The creed which accept as the foundation of morals, Utility or the Greatest Happiness Principle, hold that actions are right inproportion as they tend to promote happiness, wrong as they tend to produce the reverse of happiness. By happiness is intended pleasure and the absence of pain; by unhappiness, pain and privation of pleasure.

Umumnya, nilai-nilai positif yang terdapat dalam teori etika ini ialah mencari kebaikan untuk semua pihak dan menolak kepentingan peribadi. Konsep ini dapat difahami dari pendapat James Mill:⁵²

...that the conduct which, under any given circumstances is objectively right, is that which will produce the

⁴⁹ George Percy Badger, D.C.L., (1881) *An English- Arabic Lexicon*, London: C. Kegan Paul & Co., 1, Pater Noster Square, h. 1176.

⁵⁰ “Utilitarianisme”, *Encyclopaedia of Religion and Ethics* (1912), James Hasting (ed.), *et. al.*, jil. 12, Edinburg: T & T Clark, h. 567-588; lihat juga, John F. Finnis (1983), *Fundamental of Ethics*, New York: Oxford university Press, h. 80-81

⁵¹ “Utilitarianisme”, *Encyclopaedia of Religion and Ethics* (1912), jil. 12, *op. cit.* ; lihat juga, “Theories of Ethics, overviews of Utilitarianisme”, *Encyclopedia of Applied Ethics* (1988), Ruth Chadwick (ed.), *et. al.*, jil. 4, California: Academic Press, h. 327-328.

⁵² *Ibid.*

greatest amount of happiness on the whole; that is taking into account all whose happiness is affected by the conduct.

1.5.2 Hedonisme

Aliran ini dipelopori oleh Epikurus (341-270 SM).⁵³ Di antara Tokoh-tokoh utama yang mendokong aliran ini ialah Jeremy Bentham, John Stuart Mill, John Locke (1632-1704),⁵⁴ Hobbes (1588-1679) dan Sidgwick (1838-1900).⁵⁵

Aliran ini mengakui bahawa kelazatan universal merupakan kebaikan sejagat yang boleh diterima oleh setiap individu; dari itu menurut ukuran teori ini bahawa baik buruk sesuatu perbuatan adalah perbuatan yang menimbulkan kelazatan dan kenikmatan atau secara ringkasnya konsep aliran ini disebut sebagai "*Maintains that pleasure is intrinsically desirable and the highest good.*"⁵⁶

Dari sudut bahasa, hedonisme berasal dari perkataan Greek '*hedone*' yang bermaksud '*pleasure*'.⁵⁷ Dalam bahasa Arab '*pleasure*' merujuk kepada perkataan "لذة - حظ - سرور"⁵⁸ Dalam bahasa Melayu perkataan ini membawa maksud 'keseronokan, kenikmatan'.⁵⁹

⁵³ Ahli falsafah Greek, dilahirkan di Samos (Athens). Beliau telah menubuhkan sebuah sekolah beraliran falsafah pada tahun 306 SM di Athens yang dikenali sebagai "Epicurianism" yang menekankan tentang teori-teori hedonisme dan beberapa teori lain yang berhubung dengan cara hidup dan budaya bangsa Greek dan Roman. William L. Reese (1980), *Dictionary of Philosophy and Religion*, New Jersey: Humanities Press, h. 150.

⁵⁴ Ahli falsafah Inggeris, dilahirkan di Wrrington, seorang penyelidik dalam falsafah moral dan merupakan ahli falsafah politik. Antara karangan beliau ialah "*Toleration*" (1689), "*Essay Concerning Human Understanding* (1690) dan lain-lain. "locke, John", "*Encyclopedia of Philosophy* (1976), *op. cit.*, jil. 4, h. 502; lihat juga William L. Reese (1980), *op. cit.*, h. 307.

⁵⁵ *Ready Reference Ethics* (1994), (ed.) John K. Roth, California: Salem Press, Inc., h. 372.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ "Hedonisme", *Encyclopaedia of Religion and Ethics* (1921). James Hasting (ed.), *et al.*, Edinburgh: T & T Clark, jil. 6, h. 567-568.

⁵⁸ George Percy Badger (1981), *op. cit.*, h. 766.

⁵⁹ *An English Malay - Dictionary* (1992), Kuala Lumpur: DBP, h. 1186.

Menurut Epikurus, kebaikan sebenar ialah kelazatan dan kenikmatan dan puncak keburukan ialah kesusahan, dan semua pernyataan mengenai baik buruk adalah berdasarkan sama ada ia membawa 'keseronokan' atau 'kesusahan'. Jika sesuatu perbuatan itu membawa kepada kelazatan mahupun keseronokan, ia adalah perbuatan yang baik dan sebaliknya jika ia membawa kepada kesusahan dan penderitaan, maka ia adalah etika yang buruk.⁶⁰

Menurut penilaian aliran ini, lazat itu adalah baik, tetapi jika seseorang mencari kelazatan dengan kadar yang melampau, dia akan berdepan dengan kesusahan, contohnya jika makan terlalu banyak, ia akan mengakibatkan penyakit usus. Oleh itu, cara yang paling baik dalam hidup mengikut aliran ini ialah 'hidup berlazat tanpa kerumitan'.⁶¹

Secara ringkasnya, kelazatan menurut aliran ini terbahagi kepada tiga perkara, iaitu:⁶²

- i. Kelazatan utama iaitu makan dan minum serta keperluan asas yang lain.
- ii. Kelazatan wajar tetapi tidak diperlukan seperti makanan dan minuman yang lebih lazat dari biasa.
- iii. Kelazatan tidak wajar, tidak diperlukan dan tidak berdasarkan kepada yang benar seperti riak dengan harta kekayaan.

⁶⁰ John K. Roth (1994), *op. cit.*, h. 372.

⁶¹ Mohd. Nasir Omar (1986), *op. cit.*, h. 35.

⁶² Dipetik dari, H. Hanzah Ya'cub (1985), *op. cit.*, h. 44.

1.5.3 Naturalisme

Aliran ini dipelopori oleh Zeno (340-264 SM).⁶³ Pendukung- pendukung utama yang telah mengembangkan aliran ini ialah pengikut-pengikutnya seperti Cleanthes (331-232 SM)⁶⁴ dan Chrysippus (280-206 SM).⁶⁵

Zeno telah menubuhkan aliran Stoicisme untuk menyebarkan naturalisme yang berasaskan kepada logik (*rhetoric and dialectic*), fizik, etika dan juga teologi. Konsep utama aliran ini ialah meletakkan *nature* sebagai ukuran tertinggi dalam mencari bukti-bukti kebenaran, sama ada dalam perkara-perkara yang berhubung dengan ketuhanan, manusia dan lain-lain.⁶⁶ Eksperimen-eksperimen yang berkaitan dengan biologi dan sains merupakan aspek utama dalam penyelidikan aliran ini. Manakala dari segi dasarnya, konsep yang terdapat dalam aliran ini berlawanan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan roh dan perkara-perkara ghaib.⁶⁷

Dari segi etika, teori ini menilai baik atau buruk dalam perbuatan manusia sebagai perbuatan yang sesuai dengan fitrah atau naluri manusia itu sendiri, baik mengenai fitrah lahir mahu pun batin. Menurut teori ini kebahagiaan boleh dicapai dengan memenuhi kehendak naluri manusia itu sendiri. Begitu juga

⁶³ Zeno of Citium, ahli falsafah Greek, dilahirkan di Cyprus. Beliau telah mengasaskan aliran falsafah yang dinamakan "The school of Stoicism" di Athens pada tahun 108 SM, Stoicisme adalah merujuk kepada nama satu tempat yang terdapat di Athens. William L. Reese (1980), *op. cit.*, h. 641.

⁶⁴ Ahli falsafah Greek, dilahirkan di Assos, merupakan pengikut Zeno dan beliau telah menggantikan tempat Zeno sebagai pengembang utama mazhab Stoicism. *Ibid.*, h. 95.

⁶⁵ *Ibid.*, h. 551. Chrysippus ialah ahli falsafah Greek, dilahirkan di Cilica, merupakan tokoh ketiga yang mengetuai aliran ini dari tahun 232-208 SM, dengan mengembangkan doktrin-doktrin yang telah diasaskan oleh Zeno dan Cleanthes. *Ibid.*, h. 91.

⁶⁶ *Ibid.*, h. 551.

⁶⁷ "Naturalisme", *The Encyclopedia of Philosophy* (1976), *op. cit.*, jil. 5, h. 448.

dalam persoalan hubungan antara seseorang manusia dan Tuhannya juga ditentukan oleh fitrah semulajadi manusia itu sendiri. Kerana itu aliran ini dinamakan “Naturalisme”.⁶⁸

Menurut catatan al-Ghazālī dalam *al-Munqidh*, aliran ini dikenali sebagai ‘*al-Ṭabī’iyyūn*’, iaitu suatu aliran yang menumpukan kajian mereka kepada alam atau *nature*. Mereka mengkaji tentang keanehan unsur-unsur yang terdapat pada alam binatang dan tumbuhan sehingga mereka merasa kagum dengan keunikan alam ciptaan Tuhan dan mengakui adanya Pencipta Yang Maha Agung.⁶⁹

Setelah membuat pengkajian yang begitu mendalam, khususnya unsur-unsur semulajadi yang wujud pada binatang, lalu mereka mendakwa bahawa tabiat semulajadi yang wujud pada alam haiwan juga bersamaan dengan unsur-unsur yang ada pada manusia, iaitu bila mati tidak akan hidup kembali. Dalam hal ini mereka membuat suatu tanggapan bahawa jiwa manusia itu mati dan tidak akan hidup kembali.⁷⁰ Walau bagaimanapun, al-Ghazālī tidak mencatatkan tokoh-tokoh yang terlibat dalam aliran ini.

Dalam konteks pendidikan, etika aliran ini membuat pengukuran bahawa dalam persoalan yang harus dibuat, atau apa yang harus diajar, sama ada guru harus mengajar bermain atau matematik adalah dengan cara mengemukakan

⁶⁸ *Ibid.*; lihat juga H. Hamzah Ya’cub, Dr., (1985), *op. cit.*, h. 43.

⁶⁹ Al-Ghazālī (1985), *al-Munqidh*, h. 346-347.

⁷⁰ Golongan *al-Ṭabī’iyyūn* dalam kajian mereka juga terlibat dalam pembedahan anggota haiwan yang dikenali dengan ‘anatomi’ (‘Ilm al-Tasyrīh). Hasil dari pengkajian ini memaksa mereka mengakui tentang keagungan Pencipta yang maha Kuasa kerana anehnya kegunaan setiap anggota haiwan tersebut. *Ibid.*.

pertimbangan melalui apa yang sedia ada, telah ada dan akan ada mengenai tabii manusia. Apabila tabii telah jelas diketahui, maka cara hidupnya dan berbagai-bagai tingkah laku pun jelas difahami. Oleh yang demikian, menurut pendekatan ini, aktiviti yang menunjukkan perihal rasionalnya manusia dianggap yang paling baik.⁷¹

Kesimpulannya, teori naturalisme berpegang kepada unsur-unsur *nature* sebagai hakikat tertinggi untuk menentukan kebenaran terhadap sesuatu perkara, sama ada dalam perkara-perkara yang berhubung dengan alam haiwan, manusia, Tuhan dan sebagainya.

1.5.4 Idealisme

Aliran ini dipelopori oleh Wilhelm Gottfried, Leibniz (1646-1716)⁷² permulaan abad ke 18. Pendokong utamanya ialah Immanuel Kant (1724-1804)⁷³.

Dari segi bahasa, istilah idealisme berasal dari perkataan Greek '*ideo*' yang bermaksud 'memikirkan sesuatu perkara'.⁷⁴ Idealisme bermaksud 'suatu teori yang menganggap bahawa semua perkara dapat digambarkan dengan idea'

⁷¹ Sharifah Alwiyah al-Sagoff (1994), *Falsafah Pendidikan*, Petaling Jaya: Heinemann Education Books (Asia) Ltd., hh. 201-202.

⁷² Ahli falsafah Jerman, seorang saintis, ahli matematik, ahli sejarah dan juga diplomat, mendapat ijazah kedoktoran dalam bidang undang-undang. Tokoh ini dilahirkan di Leipzig dari keluarga yang berpendidikan tinggi, ayahnya seorang profesor dalam bidang falsafah di Universiti of Leipzig. Beliau dianggap telah mencapai tahap kedewasaan semasa kanak-kanak kerana telah membaca sepenuhnya buku-buku yang terdapat dalam perpustakaan ayahnya. Di antara karya-karya beliau ialah "*Meditation on Knowledge, Truth and Idea*" (1664), "*On the Origin of Thing*" (1697) dll. William L. Reese (1980), *op. cit.*, h. 276.

⁷³ Ahli falsafah Jerman, dilahirkan di Kongsberg. Tokoh ini amat menyanjung idea dan falsafah Leibniz yang dianggapnya mengandungi penilaian 'analitik dan sintetik' (*a priori and posteriori judgement*). *Ibid.*, h. 276.

⁷⁴ Antony, Flew (1979), *A Dictionary of Philosophy*, London: The Macmillan Press Ltd., h. 159-160; lihat juga, William L. Reese (1980), *op. cit.*, h. 243.

atau dalam bahasa Arab disebut sebagai berikut:⁷⁵ مذهب القائلين ان الاشياء كلها
تدرك بالتصور لا بالحس.

Dari sudut falsafah, idealisme merujuk kepada pendapat bahawa kemahuan dan unsur-unsur kerohanian yang wujud dalam diri manusia merupakan kewujudan yang tertinggi yang mengatasi segala perkara di dunia ini. Penilaian yang begitu tinggi terhadap aspek kemahuan dan kerohanian (*mind and spiritual*) telah mewujudkan pertentangan di antara aliran ini dengan teori-teori yang berasaskan materialisme.⁷⁶

Menurut H.H. Titus pula, falsafah idealisme berpegang kepada bahawa realiti adalah terdiri daripada idea-idea, fikiran, jiwa dan bukan berdasarkan benda-benda material atau pun tenaga. Dalam ertikata lain, jiwa adalah realiti dan benda-benda yang berbentuk material adalah produk sampingan. Menurut tokoh ini lagi, idea-idea tentang moral ialah aspirasi manusia dan ia sesuai dengan agama dan memberi sokongan intelektual kepada pandangan keagamaan.⁷⁷

Teori ini dikembangkan oleh Leibneiz bermula pada abad ke 18. Umumnya, teori yang dikemukakan oleh Leibniz ini diambil dari idea-idea dalam falsafah Plato yang pada asasnya mempunyai tiga prinsip asas iaitu, *nature*, Tuhan dan manusia. Prinsip-prinsip ini dianggap berlawanan dengan falsafah Epikurus yang berteraskan materialisme.⁷⁸

⁷⁵ George Percy Badger (1881), *op. cit.*, h. 465..

⁷⁶ "Idealisme", *The Encyclopedia of Philosophy* (1976), *op. cit.*, jil. 4, h. 110.

⁷⁷ Harold H. Titus (1979), *Living Issues in Philosophy*, California: Wadsworth Publishing Company, h. 399.

⁷⁸ William L. Reese (1980), *op. cit.*, h. 243; lihat juga "Ethics, History of", *The Encyclopedia of Philosophy* (1976), *op. cit.*, jil. 3, h. 83.

Plato dalam karya etika yang bertajuk *Republic* menegaskan:

*Good moral leads the way to the apprehension and interpretation of the metaphysical 'idea of good' which is shown to transcend the moral good and to include it as a particular manifestation of supreme principal.*⁷⁹

Di antara pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Leibniz ialah:⁸⁰

The truth of reason are more basic than truth of fact. The ontology unit is primarily a center of force. God is perfect being, and creator of the world, He will choose to create the best.

Aliran Idealisme yang berkembang pesat di Jerman pada awal abad ke 18, telah menjadi suatu aliran falsafah dan etika yang sangat berpengaruh di universiti-universiti di British pada suku kedua abad ke 19.⁸¹

Ringkasnya, ukuran mengenai etika dalam teori idealisme merujuk kepada prinsip-prinsip berikut:⁸²

- i. The logical priority of the conception of value is moral life.*
- ii. The objective independent reality of social institutions.*
- iii. The essential unity of individual and social mind.*

Secara jelas, prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori idealisme memperlihatkan keutamaan akal dan prinsip-prinsip yang terdapat dalam jiwa manusia sebagai asas utama dalam membentuk perilaku seseorang individu dan

⁷⁹ "Ethical Idealisme.", *Encyclopaedia of Religion and Ethics* (1912), *op. cit.*, jil. 5, h. 408-412.

⁸⁰ William L. Reese (1980), *op. cit.*, h. 300.

⁸¹ Frederick Copleston, S.J. (t.t.) *History of Philosophy*, jil. 8 London: Search Press, h. 146.

⁸² "Ethical Idealisme", *Encyclopaedia of Religion and Ethics* (1912), *op. cit.*, jil. 5, h. 408.

kekuatan akal merupakan keutamaan yang tertinggi melebihi keutamaan-keutamaan yang lain.

1.5.5 Pragmatisme

Aliran ini dipelopori oleh Charles Sanders, Peirce (1839-1914)⁸³, dan didokong oleh William James (1842-1910),⁸⁴ F.C.S Schiller (1864-1937)⁸⁵ dan John Dewey (1859-1952).⁸⁶

Pragmatisme berasal dari bahasa Greek '*pragma*' yang bermaksud 'benda, perkara, fakta, kejadian'.⁸⁷ Pragmatisme sebagai suatu aliran falsafah telah diperkenalkan oleh C.S. Peirce pada tahun 1978, dengan mengemukakan suatu teori dikenali sebagai 'teori makna' (*Theory of Meaning*). Teori ini dikembangkan secara meluas oleh William James dan diubahsuai menjadi 'teori kebenaran' (*Theory of Truth*).⁸⁸

Menurut C.S. Peirce, metode untuk menentukan konsepsi intelek atau nilai kebenaran sesuatu tindakan ialah dengan mengambil kira atau menimbangkan kesan-kesan praktikal yang akan berlaku hasil dari kebenaran tersebut.

⁸³ Ahli falsafah Amerika, merupakan pengasas kepada aliran pragmatisme pada tahun 1878 menerusi karyanya "*How to Make Our Ideas Clear*". "Peirce, Charles Sanders", *Concise Routledge Encyclopedia of Philosophy* (2000), *op. cit.*, h. 663.

⁸⁴ Ahli falsafah Amerika juga merupakan ahli psikologi, dilahirkan di New York. "James, William", *Ibid.*, h. 246.

⁸⁵ Ahli falsafah British yang memberi sokongan sepenuhnya kepada 'Teori Kebenaran' yang telah dikemukakan oleh William James. Lihat, Antony Flew (1979), *A Dictionary of Philosophy*, London: The Macmillan Press Ltd., h. 315.

⁸⁶ "Pragmatisme", *Concise Routledge Encyclopedia of Philosophy* (2000), *op. cit.*, h. 704. John Dewey, adalah ahli falsafah Amerika yang terlibat dalam bidang-bidang Metafizik, Epistemologi, Logik, Estetika, Etika, Falsafah Pendidikan dan Falsafah Antropologi. "Dewey, John", *Ibid.*, h. 207.

⁸⁷ William L. Reese (1980), *op. cit.*, h. 453.

⁸⁸ "Pragmatisme", *Concise Routledge Encyclopedia of Philosophy* (2000), *op. cit.*, h. 704.

Keseluruhan kesan-kesan ini akan mewakili keseluruhan makna konsepsi tersebut.⁸⁹ Teori ini diperjelaskan lagi oleh William James, seperti berikut:⁹⁰

The meaning of any proposition can always be brought down to some particular consequence in our future practical experience, whether passive or active.

Berkenaan dengan teori moral, William James berpendapat, manusia mempunyai kebebasan untuk menentukan bentuk moral yang diinginkan. Menurut beliau, nilai-nilai moral yang lahir daripada seseorang adalah berbentuk subjektif, walau bagaimana pun, nilai-nilai ini akan berubah menjadi nilai-nilai objektif apabila ianya telah diterima secara kolektif. James dalam persoalan ini menegaskan bahawa agama merupakan suatu bentuk norma yang akan mempengaruhi tindakan moral manusia.⁹¹

Menurut James lagi, pragmatisme merupakan titik tengah di antara apa yang disebut sebagai konflik di antara sains dan agama. Beliau mendakwa bahawa pengalaman-pengalaman keagamaan dan nilai-nilai psikologi adalah nilai-nilai yang diterima secara serius dalam teori pragmatisme. Beliau juga menolak sistem dualisme dan tidak bersetuju dengan kebanyakan teori ahli-ahli falsafah. Beliau dalam perspektif ini menganggap dirinya bukanlah golongan materialis atau idealis, sebaliknya mendakwa 'pengalaman tulen' (*pure experience*) adalah prinsip utama beliau dalam mengembangkan teori pragmatisme.⁹²

Dalam soal mendidik para pelajar, William James berpendapat bahawa perhatian guru yang utama ialah menanamkan kepada murid pemilihan terhadap

⁸⁹ William L. Reese (1980), *op. cit.*.

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ "James, William", *Concise Routledge Encyclopedia of Philosophy* (2000), *op. cit.*, h. 414-415.

⁹² *Ibid.*

kebiasaan yang nanti akan banyak bermanfaat kepadanya selama hidupnya. Menurutnya, pendidikan adalah untuk tingkah laku; dan kebiasaan adalah bahan dari mana tingkah laku dibuat.⁹³

Menurut H.H.Titus, pragmatisme timbul dari kehidupan dan pengalaman-pengalaman bangsa Amerika yang pada dasarnya bukanlah suatu gerakan akademik. Para pemimpinnya pula memang terkenal dengan kebebasan pertimbangan. Ia juga diakui sebagai mencerminkan nilai-nilai kehidupan yang melambang karakter dan kebudayaan Amerika. Malah pragmatisme sebenarnya merupakan metode penyelidikan eksperimental yang dipakai dalam semua bidang pengalaman manusia dan lebih mendekati sains.⁹⁴ Akhirnya, pragmatisme telah menjadi suatu aliran pemikiran yang sangat mempengaruhi segala bidang kehidupan masyarakat Amerika, baik pandangan hidup, mahupun bidang sosial, politik, ekonomi, pendidikan, ilmu pengetahuan dan teknologi. Pengaruh pragmatisme bukan hanya berkembang di Amerika, malah telah meluas ke negara-negara lain di dunia.⁹⁵

1.6 ULASAN DAN KRITIKAN TERHADAP TEORI-TEORI ETIKA BARAT

Suatu fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa para pemikir dan ahli-ahli falsafah barat mempunyai pandangan, ukuran dan skop yang berbeza dalam menentukan nilai-nilai etika yang baik, mahupun dalam menetapkan

⁹³ Dipetik dari, Mudlor Achmad (t.t.), *Etika dalam Islam*, Surabaya: Al-Ikhlash, h. 85.

⁹⁴ Harold H. Titus (1979), *op. cit.*, h. 345..

⁹⁵ Sonny Keraf, A (1987), *Pragmatisme Menurut William James*, Yogyakarta: Penerbit Kanisius, h. 45.

ukuran kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Hasil perbincangan mengenai teori-teori etika Barat memberikan suatu rumusan bahawa setiap aliran etika mempunyai pandangan yang berbeza tentang ukuran baik dan buruk dalam menentukan nilai-nilai etika. Malah setiap aliran mempunyai konsep nilai yang bertentangan di antara satu dengan yang lain. Dalam sub topik ini, penulis mengemukakan beberapa ulasan dan kritikan daripada beberapa orang pemikir Islam terkemuka terhadap teori-teori etika Barat.

1.6.1 Pandangan al-Ghazālī

Al-Ghazālī dalam karyanya *al-Munqidh* mengakui wujudnya penyelewengan akidah dalam aliran naturalisme. Menurut al-Ghazālī, aliran ini membuat suatu tanggapan yang salah dengan mengatakan bahawa unsur-unsur biologi yang terdapat pada haiwan adalah sama dengan unsur-unsur yang terdapat pada manusia, iaitu bila musnah maka akan musnah segala-galanya termasuk jiwa. Dari sini mereka beranggapan bahawa jiwa manusia itu mati dan tidak akan hidup semula. Ekoran dari falsafah ini, mereka menyangkal adanya hari akhirat. Menurut al-Ghazālī, aliran ini menyalahi akidah Islam dan digolongkan sebagai zindik, meskipun pada dasarnya mereka beriman kepada Tuhan dan Sifat-sifatNya.⁹⁶

⁹⁶ Al-Ghazālī (1985), *al-Munqidh*, *op. cit.*, h. 345-346.

1.6.2 Pandangan Abū al-A'la al-Mawdūdī

Abū al-A'la al-Mawdūdī berpendapat bahawa ahli-ahli falsafah Barat telah melakukan suatu kesalahan besar kerana mengemukakan suatu bentuk ukuran yang berbeza dalam menentukan nilai-nilai moral. Perbezaan dalam ukuran nilai ini telah mewujudkan pertentangan dan hasilnya amat mengelirukan. Hal ini wujud kerana mereka mempunyai keyakinan yang berbeza dan tidak ada suatu asas yang kukuh dalam membentuk keyakinan mereka.⁹⁷

Menurut tokoh ini lagi, teori-teori etika Barat telah gagal untuk menemukan suatu kebenaran yang menyeluruh, mutlak dan mantap dalam membina keperibadian manusia.⁹⁸ Ahli-ahli falsafah mereka secara keseluruhannya tidak mempunyai nilai-nilai kebenaran dan realiti, sebaliknya, setiap aliran menganggap aspek-aspek tertentu yang diyakininya sebagai kebenaran yang menyeluruh (*regard some particular aspect of truth as the whole truth*).⁹⁹

Berhubung dengan persoalan ini, Dr. Hamzah Ya'cub menjelaskan bahawa etika yang bertunjangan asas falsafah semata-mata akan mengalami kesulitan untuk mendapatkan idea yang sejagat kerana pandangan setiap aliran tentang ukuran baik dan buruk mempunyai ukuran yang berbeza.¹⁰⁰

⁹⁷ Sayyid Abul A'la Maududi (1966), *op. cit.*, h. 24.

⁹⁸ *Ibid.*.

⁹⁹ *Ibid.*, h. 28.

¹⁰⁰ Hamzah Ya'cub, Dr., (1983), *op. cit.*, h. 13.

Dalam membuat rumusan tentang kelemahan teori-teori etika Barat, al-Mawdūdī menekankan persoalan pokok yang diketepikan oleh ahli-ahli falsafah Barat ialah tentang status dan kedudukan manusia di muka bumi ini sebagai hamba dan khalifah Allah.¹⁰¹

Kesimpulannya, al-Mawdūdī menegaskan bahawa pendekatan di antara etika Barat dan etika Islam adalah amat ketara perbezaannya. Etika Barat dicipta bertitik tolak dari idea dan pemikiran manusia yang mempunyai skop yang berbeza di antara satu sama lain, sedangkan etika dalam Islam adalah suatu etika yang mempunyai nilai-nilai komprehensif kerana ia bersumberkan bimbingan dan wahyu daripada Allah s.w.t..¹⁰²

1.6.3 Pandangan Dr. Yusuf al-Qaradāwī

Tokoh ini melihat bahawa salah satu kegagalan dan dosa yang dilakukan Barat dan peradaban moden masa kini adalah sikap mereka terhadap keimanan dan nilai-nilai akhlak yang dibawa misi dari langit secara keseluruhan. Menurut beliau, Barat ketandusan suara iman, hilang keyakinan kepada Allah dan ganjaran di hari akhirat secara keseluruhan. Baik di negara-negara yang menamakan diri mereka sebagai liberal mahupun komunis. Negara-negara liberal, meskipun tidak menolak agama secara terang terangan sepertimana komunis, namun agama tidak memiliki ruang dalam acuan pemikiran mereka, malah mereka menjadikan falsafah material sebagai kerangka dan asas pemikiran serta perilakunya.¹⁰³

¹⁰¹ *Ibid.*, h. 24.

¹⁰² Sayyid Abul A'la Maududi (1996), *op. cit.*, h. 24.

¹⁰³ Yūsuf al-Qaradāwī, Dr., (2000), *Ummatunā Bain Qarnain.*: Kaherah: Dār al-Syurūq, h. 12.

Justeru itu, al-Qaraḍāwī melihat bahawa keruntuhan nilai-nilai akhlak yang berlaku pada masa kini adalah hasil daripada teori-teori yang diciptakan di Barat yang mengeneppikan asas-asas wahyu dan menjadikan kerangka pemikiran manusia sebagai kayu ukur utama dalam perilaku moral manusia. Menurut beliau, teori-teori seperti pragmatisme, hedonisme dan individualisme tersebar di kalangan umat Islam sehingga meruntuhkan nilai-nilai akhlak seperti perilaku tunduk kepada hawa nafsu yang meruntuhkan akhlak seperti perzinaan, pelacuran, perilaku-perilaku egoisme dan lain-lain.¹⁰⁴

1.6.4 Pandangan Drs. Mudlor Achmad

Drs. Mudlor Achmad dalam bukunya *Etika Dalam Islam* mengkritik beberapa kelemahan yang terdapat dalam teori hedonisme dan idealisme. Menyentuh tentang teori hedonisme, Drs. Mudlor berpendapat bahawa, teori ini nampak mudah, namun dari segi praktiknya ia akan menemui berbagai halangan dan hambatan untuk mencapai matlamat yang dingini iaitu keseronokan. Ini kerana keseronokan itu sendiri belum mempunyai ukuran yang pasti oleh setiap manusia dan ia bersifat subjektif. Setiap manusia mempunyai fikiran dan citarasa tersendiri, maka corak keseronokan yang mereka inginkan adalah berbeza. Oleh itu kelazatan atau keseronokan yang bersifat universal amat sukar untuk ditentukan.¹⁰⁵

Selanjutnya, bila kehidupan berpaksi kepada keseronokan, maka segala cara akan ditempuh bagi mencapai tujuan tersebut. Keadaan ini akan

¹⁰⁴ *Ibid.*, h. 142.

¹⁰⁵ Mudlor Achmad (t.t.) *op. cit.*, h. 32.

menimbulkan pertentangan dari pihak yang merasa rugi. Akhirnya apa yang dimaksudkan dengan kebahagiaan tanpa derita tidak akan tercapai.¹⁰⁶

Mengulas mengenai aliran idealisme, Drs. Mudlor berpendapat bahwa dasar aliran ini iaitu kemampuan kudrat untuk mengenal baik dan buruk belum dapat menjamin tepat dan benarnya seseorang bertindak. Bertindaknya seseorang, tidak hanya berdasarkan kepada perasaan *a priori*nya, tetapi juga dipengaruhi oleh akal yang serba terbatas. Dengan tambahan dasar ini pun masih belum mencukupi. Ia masih memerlukan adanya tuntunan pasti yang diturunkan oleh Tuhan Yang Maha Esa, berupa wahyu.¹⁰⁷

Kelemahan teori ini juga bertitik tolak dari perbuatan yang dilakukan tanpa tujuan, menyebabkan tidak terarahnya perbuatan itu kepada tujuan yang dikehendaki. Justeru itu, menurut tokoh ini, cita-cita aliran idealisme tidak mungkin dapat dilaksanakan dalam bentuk praktikal. Menurutnya, secara teoritis, idealisme lebih murni dan lebih dihargai daripada hedonisme. Tetapi secara praktis, hanya hedonisme yang dapat diwujudkan.¹⁰⁸

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa objek utama yang menjadi sandaran ahli-ahli falsafah Barat dalam mengemukakan teori-teori tentang etika ialah manusia itu sendiri. Manakala sumber-sumber dan kriteria yang mengukur baik buruk dalam tindakan manusia ialah berdasarkan akal, pengalaman manusia itu sendiri dan pelbagai keupayaan yang wujud dalam diri manusia sama ada yang bersifat dalaman mahupun luaran.

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ *Ibid.*, h. 36.

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 37.

Manakala dilihat dari segi prinsip pula, didapati bahawa prinsip etika Barat adalah berasaskan perkara-perkara berikut: Prinsip untuk mendapat faedah yang paling maksima seperti pandangan aliran utilitarianisme; prinsip untuk mencapai kelazatan dan keseronokan seperti pandangan aliran hedonisme; prinsip *nature* atau sains semulajadi seperti pandangan aliran naturalisme; prinsip untuk mendapat kesan-kesan praktikal dan faedah-faedah yang positif seperti pandangan aliran pragmatisme dan lain-lain prinsip berdasarkan skop pandangan aliran masing-masing.

Umumnya, para pemikir Islam berpendapat bahawa nilai-nilai etika yang terdapat dalam aliran-aliran yang tersebut di atas adalah tidak bersesuaian dengan nilai-nilai etika dalam Islam kerana nilai-nilai yang diketengahkan hanyalah berprinsipkan kemanusiaan sahaja dan tidak berasaskan kepada nilai-nilai wahyu dan ketuhanan.

1.7 ETIKA MENURUT PANDANGAN ISLAM

1.7.1 Maksud Etika Menurut Perspektif Islam

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada huraian lalu bahawa kebanyakan sarjana Muslim telah mendefinisikan etika Islam dengan merujuk kepada ilmu akhlak. Pernyataan ini menunjukkan kesyumulan maksud etika menurut perspektif Islam yang membezakannya dengan teori-teori etika ciptaan manusia.

Dua istilah '*al-akhlāq*' dan '*al-khuluq*' telah disebutkan dalam al-Qur'an dan al-Hadith sepertimana berikut:

وَأَنْتَ لَعَلَىٰ خَلْقٍ عَظِيمٍ.

Maksud:

Sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad), memiliki budi pekerti yang tinggi.

Sūrah al-Qalam: 4

بَعِثْتُ لَأَتَمَّ حَسَنِ الْإِخْلَاقِ.

Maksud:

Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan budi pekerti.¹⁰⁹

Al-Ghazālī telah mentafsirkan ilmu akhlak sebagai suatu ilmu yang membentuk jiwa manusia menurut tuntutan-tuntutan syariat menerusi garis panduan yang telah diajar oleh para nabi, para sahabat, para sufi, para syuhada' dan para siddiqin. Antara nama-nama yang digunakan oleh al-Ghazali yang merujuk kepada ilmu akhlak ialah "Jalan Akhirat", dan "Sifat-sifat Hati".¹¹⁰

Dr. Maḥmūd Ḥamdī Zaqqūq dalam bukunya *Muqaddimah fī 'Ilm al-Akhlāq* merumuskan ilmu akhlak sebagai suatu disiplin ilmu yang menjelaskan perbezaan di antara perbuatan baik dan buruk, menerangkan apa yang seharusnya dilakukan oleh setengah manusia kepada yang lainnya, menyatakan tujuan yang

¹⁰⁹ Mālik bin Anas (1991), *al-Muwaffā'*, jil. 2, Kitāb al-Jāmi', Bāb Mā Jā'a fī Ḥusn al-Khuluq, no. Hadith 1885, Beirut: Mu'ssah al-Risālah, h. 75.

¹¹⁰ Zaki Mubārak (1980), *op. cit.*, h. 151.

harus dituju oleh manusia dalam perbuatan mereka dan menunjukkan jalan untuk melakukan apa yang harus diperbuat.¹¹¹

Tokoh sarjana ini juga menjelaskan bahawa terdapat dua kategori ilmu akhlak, iaitu ilmu akhlak yang berasaskan keagamaan (*'Ilm al-akhlāq al-dīnī*) dan ilmu akhlak yang berasaskan kepada falsafah (*'Ilm al-akhlāq al-falsafī*).¹¹² Menurut beliau, ilmu akhlak yang berasaskan keagamaan adalah bersandarkan kepada sumber-sumber dari langit. Justeru itu Islam telah menentukan dasar-dasar yang kukuh dalam pembinaan akhlak seseorang mukmin. Manakala, ilmu akhlak dalam kategori falsafah adalah berasaskan akal. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa tiada percanggahan di antara ilmu akhlak yang berasaskan kepada agama dan falsafah sekiranya ia selari dengan tuntutan agama. Ini kerana Allah s.w.t. telah menganugerahkan akal untuk memberi petunjuk kepada manusia.¹¹³

Manakala Dr. Hamzah Ya'cub dalam bukunya *Etika Islam*, mendefinisikan ilmu akhlak sebagai suatu ilmu pengetahuan yang mengajarkan yang baik dan yang buruk berdasarkan ajaran Allah dan RasulNya dan sesuai dengan fitrah manusia serta akal yang lurus.¹¹⁴

Dari pengertian-pengertian yang dipetik di atas, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang jelas di antara pentafsiran tentang etika menurut

¹¹¹ Maḥmūd Ḥamdī Zaqqūq, Dr., (1993), *Muqaddimah fī 'Ilm al-Akhlāq*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 13

¹¹² *Ibid.*, h. 14

¹¹³ *Ibid.*.

¹¹⁴ Hamzah Ya'cub, Dr., (1985), *op. cit.*, h. 13.

ahli falsafah Barat yang bersumberkan akal fikiran manusia semata-mata dan ilmu akhlak yang merujuk kepada etika Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah serta kesesuaiannya dengan fitrah dan naluri manusia.

1.7.2 Ciri-ciri Etika Islam

Asas-asas pembentukan etika dalam Islam adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang tertentu, antaranya ialah:

1. Etika Islam ialah etika yang diasaskan daripada sumber-sumber yang komprehensif. Sumber yang paling mutlak dalam etika Islam ialah segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul. Namun, dalam perspektif ini, etika Islam tidak menolak sumber-sumber yang berasaskan kepada akal, pengetahuan dan pengalaman manusia kerana ia saling memerlukan di antara satu sama lain. Ini bermakna, Islam tidak menolak teori-teori etika yang bersumberkan kepada pengetahuan falsafah. Namun, ia juga tidak menerimanya secara mutlak kerana akal manusia memerlukan bimbingan dari Allah s.w.t. sebagai sumber pengetahuan yang tertinggi.¹¹⁵

2. Etika Islam bersifat syumul. Kesyumulan etika dalam Islam bermaksud bahawa etika Islam adalah etika yang lengkap, iaitu mencakupi segala aspek dan segenap bidang kehidupan manusia, tabiat manusia dan untuk dunia

¹¹⁵ Sayyid Abul A'la Maududi (1966), *op. cit.*, h. 30; lihat juga H.Hamzah Ya'cub, Dr., (1983), *op.cit.*, h. 14.

seluruhnya.¹¹⁶ Pernyataan tentang kesyumulan etika dalam Islam dijelaskan oleh al-Mawdūdī sebagaimana berikut:¹¹⁷

Indeed, you will not find in this concept of God any basis for that double-faced (or dualisme) morality under which no strength of character can be built up. Side by side with these merits of negative nature this concept of God has positive merit of setting up the most sublime and the most comprehensif ideal of moral excellence and of providing the noblest and most effective incentives for the moral effort of man.

Aspek kesyumulan Islam ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya:

ما فرطنا في الكتاب من شيء.

Maksud:
Tiadalah Kami alpakan sesuatu pun di dalam al-Kitab.

Sūrah al-An'ām(6):38.

3. Etika Islam bersifat universal. Islam adalah agama universal, agama untuk dunia dan seluruhnya. Islam tidak dinamakan kepada pembawanya sebagaimana Buddhisme mendapat namanya daripada Buddha, Zoroastrianisme daripada Zoroaster atau Judaism yang dinisbahkan kepada orang-orang Yahudi. Islam juga bukanlah agama yang diasaskan oleh pembawanya Muhammad s.a.w.. Tetapi ia adalah agama dari Allah Yang Maha Esa.¹¹⁸

Allah s.w.t. berfirman:

قال ربّ المشرق والمغرب وما بينهما، ان كنتم تعقلون.

¹¹⁶ Mohd. Nasir Omar (1986), *op. cit.*, h. 101-102.

¹¹⁷ Sayyid Abul A'la Maududi (1966), *op. cit.*, h. 33.

¹¹⁸ Mohd. Nasir Omar (1986), *op. cit.*, h. 97.

Maksud:

Nabi Musa (menerangkan lagi tentang keesaan Allah dan kekuasaanNya dengan) berkata: "Dialah yang memiliki dan menguasai timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya; kalau kamu orang-orang yang berakal tentulah memahaminya!.

Sūrah al-Syu'arā' (26):28.

1.7.3 Prinsip-prinsip Etika Islam

Pada dasarnya, etika Islam mengandungi prinsip-prinsip yang terkandung dalam ajaran Islam itu sendiri. Antaranya ialah:

1. Keimanan kepada Allah s.w.t..¹¹⁹ Prinsip ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam beberapa Hadith. Antaranya sabda Baginda yang berbunyi:

اكمل المؤمنين ايمانا احسنهم خلقا، وخياركم خياركم لنسائهم.¹²⁰

Maksud:

Mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang terbaik akhlaknya. Dan sebaik-baik di antara kamu ialah yang paling baik kepada isterinya.

2. Etika Islam menetapkan bahawa ukuran baik buruk sesuatu perbuatan berdasarkan ketentuan-ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t..¹²¹
3. Etika Islam berpegang kepada prinsip bahawa manusia memikul peranan sebagai hamba dan khalifah Allah di dunia ini. Maka, pada hakikatnya, segala perkara di dunia ini adalah di bawah milik dan

¹¹⁹ *Ibid.*, h. 85.

¹²⁰ Abi 'Isā Muḥammad Ibn 'Isā Ibn Sūrah (t.t.), *Sunan al-Tirmidhi*, (ed.) al-Syaikh Ibrāhīm 'Uṭwah 'Iwaḍ, jil. 5, Kitāb al-Imān, Bab 6, no. Hadith: 2612, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 9.

¹²¹ Sayyid Abul A'la Maududi (1966), *op. cit.*, h. 27.

kekuasaan Allah, termasuk dalam menetapkan status perbuatan manusia sama ada baik mahupun sebaliknya.¹²²

4. Etika Islam memperakui keistimewaan kedudukan akal dan naluri manusia sebagai anugerah Allah s.w.t.. Tetapi akal dan naluri manusia tidak boleh dijadikan kayu ukur sepenuhnya dalam menentukan baik buruk sesuatu perbuatan. Sebaliknya akal dan naluri mestilah patuh kepada peraturan-peraturan Allah s.w.t. Wahyu membimbing, manakala akal dan naluri memperkukuhkannya.¹²³
5. Etika Islam membawa prinsip persamaan. Prinsip ini membawa maksud bahawa etika kemanusiaan dalam Islam menolak sistem kelas tertentu menurut warna kulit, bangsa, bahasa atau tempat di mana mereka hidup. Bahkan hikmat Allah menciptakan manusia dari berbagai puak, suku, bahasa dan sebagainya adalah manifestasi daripada kekuasaan Allah dan supaya manusia saling mengenali antara mereka.¹²⁴ Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا، إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ.

Maksud:

Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu.

Sūrah al-Hujurāt (49):13.

¹²² *Ibid.*

¹²³ *Ibid.*, h. 27.

¹²⁴ Mohd. Nasir Omar (1986), *op. cit.*, h. 86-87.

6. Etika Islam berasaskan prinsip kebebasan memilih. Prinsip ini bermaksud bahawa individu Muslim diberi kuasa untuk memilih di antara dua alternatif, antara baik atau buruk, betul atau salah, mutlak atau nisbi. Kebebasan juga memberi skop yang sangat luas, umpamanya individu Muslim bebas untuk menentukan corak hidupnya, bebas untuk berfikir, bersuara dan bertindak, bebas dan berhak untuk mendapatkan pelajaran yang diperlukan, bebas mencari dan memiliki harta sebanyak mungkin yang terdaya olehnya secara halal. Namun begitu, kebebasan yang mutlak adalah milik Allah s.w.t., sedangkan kebebasan yang diperuntukkan kepada manusia adalah bersifat relatif. Ini kerana, Allah telah menetapkan nilai-nilai baik dan buruk sebagai garis panduan, umpamanya, Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa perbuatan zina, minum arak, judi dan sebagainya adalah perbuatan-perbuatan yang buruk dan tidak perlu lagi dicuba sebagai pengalaman.¹²⁵
7. Etika Islam berpandukan prinsip tanggungjawab. Berhubung dengan prinsip kebebasan memilih di antara dua alternatif, sama ada baik atau buruk, benar atau salah, maka secara automatik pula seseorang itu akan dipertanggungjawabkan atas tingkah laku yang dipilih.¹²⁶ Allah s.w.t. telah menjelaskan hal ini dalam firmanNya:

كُلِّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينًا.

¹²⁵ *Ibid.*, h. 90.

¹²⁶ *Ibid.*.

Maksud:
Tiap-tiap diri bertanggungjawab atas apa juga yang telah diperbuatnya.

Sūrah al-Muddaththir(74):38.

1.8 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, dapatlah disimpulkan bahawa etika adalah bidang falsafah yang berkait rapat dengan tamadun manusia dan nilai ketamadunan sesuatu bangsa adalah bertitik tolak dari sejauhmana mereka mengamalkan nilai-nilai yang murni dalam kehidupan mereka sama ada pada peringkat individu, masyarakat dan negara.

Hasil perbincangan dalam bab juga memperjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang nyata di antara nilai-nilai yang terkandung dalam teori-teori etika yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh pemikir Barat dan tokoh-tokoh pemikir Islam. Kenyataannya dapat dirumuskan bahawa teori-teori etika Barat berasaskan kepada sumber-sumber pemikiran manusia semata-mata tanpa merujuk kepada agama. Namun, teori-teori dalam etika Islam adalah suatu sistem yang menggabungkan pemikiran manusia yang bersumberkan akal yang sihat dan juga ajaran agama yang menghubungkan seseorang individu dengan Tuhan dan sesama makhluk,¹²⁷ yang membezakannya dengan mana-mana aliran etika sepanjang abad sama ada di Timur mahupun Barat.

¹²⁷ Mahmūd Hamdi Zaqqūq (1993), *op. cit.*, h. 70-71.